

**D.R. 21/97**

**Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris**

**RANG UNDANG-UNDANG**

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peguambela Sabah.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peguambela (Sabah) (Pindaan) 1997 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 17 Oktober 1996. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Ordinan Peguambela Sabah adalah dipinda dalam perenggan 4(1)(cc) dengan memasukkan selepas perkataan "Singapore, or he has been" perkataan "conferred the degree of Bachelor of Laws (Honours) or". Pindaan seksyen 4. Sabah Bab 2.

---

**HURAIAN**

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda perenggan 4(1)(cc) Ordinan Peguambela Sabah untuk membolehkan seseorang yang telah dianugerahi ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) oleh Institut Teknologi MARA diterima masuk sebagai seorang peguambela di Sabah.

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 2010.]